

**LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DAN LEMBAGA TABUNG HAJI  
MALAYSIA : KERJASAMA KEARAH SINERGI PEMERKASAAN  
EKONOMI DAN PEMBANGUNAN UMMAH MENERUSI STRATEGI  
LAUTAN BIRU (BLUE OCEAN STRATEGY, BOS)**

**Sharifah Binti Ismail**

*School of Languages, Civilization and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Kedah,  
Malaysia*

*sharifah@uum.edu.my*

**ABSTRAK:**

Kertas kerja ini merupakan satu tinjauan awal bagi menawarkan kerangka konseptual pengurusan inter-organisasi Islam yang inklusif disesuaikan dari strategi lautan biru khusus untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Lembaga Tabung Haji (LTH). Kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif. Data kajian yang dikumpulkan menggunakan pelbagai jenis teknik pengumpulan data seperti analisis dokumen, kajian kes, pemerhatian peserta dan bukan peserta, temu bual dan nota lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi lautan biru boleh menjadi pemangkin di dalam mencapai visi dan misi LZNK dan LTH seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi ummah. Selain daripada itu, sesuai dengan perkembangan dan cabaran kontemporari, kerjasama strategik merentas organisasi berasaskan inovasi merupakan perkara yang imperatif bagi institusi-institusi agama di negara ini. Oleh itu, kajian ini mencadangkan satu kerangka modul pengurusan Islam berteraskan strategi lautan biru yang berupaya menjadi input baru serta modul kualiti penambahbaikan terutamanya kepada LZNK, LTH dan insituti Islam yang lain di negara ini.

**Kata kunci:** Lembaga Zakat Negeri Kedah, Lembaga Tabung Haji Malaysia, Strategi Lautan Biru, Pembangunan Sosio-Ekonomi

## PENGENALAN

Kajian ini menawarkan rujukan konseptual bagi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Lembaga Tabung Haji (LTH) ke arah penyedia perkhidmatan yang efektif, sistem pengurusan yang terkini dan hasil berimpak tinggi kepada masyarakat, melalui pelaksanaan yang efisien dan pantas dengan kos perbelanjaan yang efektif melalui pendekatan strategi lautan biru (*Blue ocean strategy*). Pada masa ini, pengurusan institusi Islam di Malaysia biasanya dilakukan mengikut polisi setiap organisasi dan tidak ada percubaan untuk mentransformasi organisasi mengikut keperluan semasa. Dalam menghadapi cabaran terkini, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk entiti Islam seperti LZNK dan LTH untuk meneliti idea-idea rangka kerja kreatif yang berfungsi sebagai model pengurusan organisasi. Kajian ini bukan sahaja menekankan keperluan untuk meningkatkan kecekapan sistem pengurusan organisasi Islam melalui kreativiti dan inovasi tetapi juga menyediakan bukti mengenai keperluan tersebut bagi mengoptimumkan amalan pengurusan terbaik organisasi. Selanjutnya, kajian ini mencadangkan satu kerangka modul pengurusan Islam berteraskan strategi lautan biru yang berupaya menjadi input baru serta modul kualiti penambahbaikan berterusan (*continuous improvement quality*) terutamanya kepada LZNK dan insitusi Islam yang lain di negara ini.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif menggunakan pelbagai kaedah kajian kes. Kajian kes ini merupakan pendekatan penyelidikan, yang terletak di antara teknik pengambilan data konkrit dan paradigma metodologi. Rangka kerja strategi lautan biru LZNK dan LTH yang dicadangkan untuk dibangunkan dalam kajian ini bersesuaian dengan keperluan untuk menggunakan bentuk penyelidikan kajian kes. Melalui langkah-langkah ini, pendekatan kajian pelbagai kes dianggap sesuai kerana pelbagai data yang diterima akan menyediakan penyelidik dengan maklumat yang terperinci ke atas kajian. Selain itu, data kajian juga dikumpulkan menggunakan pelbagai jenis teknik pengumpulan data yang lain (analisis dokumen, pemerhatian peserta dan bukan peserta, temu bual, nota lapangan). Data yang dikumpulkan mengandungi pandangan, persepsi, pengalaman atau idea individu yang berkaitan dengan kajian kes. Penggunaan pelbagai perspektif dan pelbagai jenis teknik pengumpulan data dalam kajian ini menyumbang kepada kualiti dan kesahihan penemuan kajian (Hamilton, 2011).

## PERBINCANGAN

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memainkan peranan yang signifikan di dalam memantap dan memperkasakan peranan institusi zakat sebagai medium arus perdana bagi mengeluarkan komuniti Islam di negeri ini dari jerat kemiskinan serta memacu pembangunan ummah. Usaha memperkasa sosio-ekonomi melalui aset umat Islam seperti institusi zakat adalah selaras dengan tuntutan maqasid al-shariah (objektif syariah) itu sendiri kerana bidang ekonomi berkait rapat dengan dengan unsur harta (*al-mal*) iaitu salah satu aspek syariah yang perlu dipelihara oleh umat Islam.

Falsafah dan tujuan utama pelaksanaan zakat ialah untuk mengurangkan jurang kemiskinan dan seterusnya membawa kepada keharmonian di dalam masyarakat. (Weiss, 2002, Ahmad Fahme, 2015) Walau bagaimanapun, keberkesanan institusi zakat dalam mengurangkan kadar kemiskinan menerusi program ekonomi bergantung kepada jumlah dana zakat yang dikumpulkan. Jumlah dana zakat yang kecil akan memberi kesukaran kepada pusat zakat untuk menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi untuk kemajuan masyarakat (Mohamed Dahan, 2001). Di Semenanjung Malaysia, diantara negeri yang mempunyai kadar pembayaran zakat yang minima ialah di negeri Kedah. Selain daripada itu, statistik juga menunjukkan bahawa Kedah juga adalah antara negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi di semenanjung Malaysia (Malaysia Economic Planning Unit, 2016).

Semenjak penubuhannya sehingga kini, LZNK telah mencipta pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan di dalam tadbir urus, kutipan dan agihan dana zakat kepada para asnaf yang memerlukan. Walaubagaimanapun, perlu diakui bahawa LZNK berdepan dengan cabaran yang getir bagi memastikan kelestarian kutipan zakat yang kompetitif bagi mengimbangi agihan dana dari masa ke semasa. Sebagai contoh, sehingga April 2018, kutipan semasa zakat ialah sebanyak RM60,080,476.83 berbanding agihan semasa pada bulan yang sama iaitu sebanyak RM62,718,062.35. Selain itu, walaupun nilai kutipan dan agihan zakat bertambah dari masa ke semasa, statistik merekodkan bahawa jumlah penduduk berpendapatan rendah dan insiden kemiskinan yang melibatkan etnik Melayu, iaitu populasi tertinggi di negeri Kedah masih lagi di paras yang tinggi. Kolerasi di antara etnik Melayu dan kemiskinan secara langsung memberi implikasi kepada kutipan semasa zakat harta dan fitrah bagi negeri Kedah. Mengikut Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), pada tahun 2016, jumlah keseluruhan kutipan zakat dan fitrah bagi negeri Kedah direkodkan meningkat kepada

RM140,448,128.00. Jumlah ini walaubagaimanapun, lebih rendah berbanding kutipan bagi negeri Perlis bagi tahun 2014 iaitu sebanyak RM162,327,654.00. Selain daripada itu, dana zakat yang terkumpul lazimnya di agih terus kepada 8 asnaf yang berkenaan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Islam. Alokasi ini menyebabkan dana zakat semakin mengecil kerana pembahagian dana zakat di laksanakan mengikut kumpulan sasaran. Faktor kekurangan dana untuk program pembangunan sosio-ekonomi ini antara penyumbang kepada limitasi keberkesanan institusi zakat di dalam membasmi kemiskinan komuniti Islam di negeri Kedah.

Dari aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan kutipan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa pengkaji bagi membantu institusi zakat meningkatkan kutipan zakat, antaranya seperti kajian pengkorporatan institusi zakat (Nor Ghani et al., 2001), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang diikhtilaf (Sanep & Hairunnizam 2004), keberkesanan pengurusan zakat oleh institusi formal (Sanep, Hairunnizam & Adnan 2006), penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat (Kamil 2006), meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali, Hairunnizam & Nor Ghani 2004) dan juga penggunaan kaedah bayaran zakat pendapatan melalui skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali 2007). Inovasi dan cadangan ini telah membuahkan hasil yang positif terhadap prestasi kutipan zakat di Malaysia. Hasilnya, kutipan zakat di seluruh Malaysia telah meningkat dari masa ke semasa (JAWHAR,2018).

Kajian zakat telah banyak dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek pengurusan zakat seperti aspek kutipan dan juga aspek pengagihan zakat kepada pelbagai asnaf. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu golongan asnaf meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat di masa hadapan (Abd Rahman, 2016, Mahyuddin, 2012). Dalam konteks agihan zakat, perkara penting yang perlu diberi keutamaan, bukan sahaja berkaitan perancangan dan strategi bagaimana sumber boleh sampai kepada golongan sasaran, sebaliknya apa yang lebih penting ialah sejauh mana keberkesanan pengagihan pendapatan zakat dalam membangun dan mengembangkan tahap sosioekonomi umat.

Pengurusan zakat di abad ke-21 ini bukan sahaja dilihat dari perspektif tuntutan syarak, bahkan juga dari sudut pembangunan ekonomi dan sosial. Oleh itu, menjadi keperluan kepada

institusi zakat untuk mencari sumber baru dan memperluaskan sumber zakat. Dana zakat yang optimum membolehkan pengagihan zakat menjadi lebih berkesan. Kejayaan institusi zakat akan menjadi tunjang kekuatan ekonomi dan pemeraksanaan ummah. Selain itu, pembangunan sumber manusia, sistem tadbir urus yang cekap serta strategi pelaksanaan program yang efektif juga merupakan kriteria penting bagi memastikan keberkesanan dan kecemerlangan institusi zakat sebagai institusi pembangunan sosio-ekonomi ummah.

Justeru itu, LZNK perlu merangka dasar program dan kaedah yang inovatif sesuai dengan keperluan semasa untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh para asnaf serta LZNK sendiri. Cabaran semasa mendesak LZNK supaya tidak hanya bergantung kepada kutipan zakat sebagai sumber utama organisasi tersebut. Perancangan bagi menjana dan mengoptimalkan dana zakat yang terkumpul serta mencari sumber dana baru perlu diteruskan bagi membangunkan sosio-ekonomi ummah. Dengan dana yang kukuh, pelbagai perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam usaha pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan secara konsisten. Ini termasuklah pelaksanaan program pendidikan, kemahiran serta pembangunan modal insan secara inklusif kepada pihak asnaf bagi memaksimumkan peranan zakat sebagai alat pemacu kemajuan ummah.

Walaupun bagaimanapun, tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan serta membangunkan sosio-ekonomi ummah bukan hanya terletak kepada institusi zakat bahkan merupakan amanah bersama yang perlu digalas oleh semua pihak. Ini kerana, jika pembangunan sosio-ekonomi umat Islam diketepikan, implikasinya amat besar kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, kerjasama pelbagai pihak didalam mentransformasikan sosio-ekonomi komuniti Islam adalah amat signifikan serta selaras dengan tuntutan agama. Pendekatan bersifat pelbagai dimensi ini akan memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan ummah secara keseluruhan.

Dalam konteks ini, kerjasama dan perkongsian pintar diantara LZNK dengan pelbagai agensi luar adalah sebahagian daripada pendekatan yang diambil oleh LZNK di dalam memaju institusi zakat di negeri ini. Justeru, sebagai kesinambungan kepada polisi yang sedia ada, kerjasama di antara LZNK dan Lembaga Tabung Haji Malaysia (LTH) berdasarkan strategi lautan biru (*blue ocean strategy*, BOS) bagi merealisasikan visi dan misi LZNK adalah sangat imperatif dan tepat pada masanya.

Dalam konteks perlembagaan, hal-hal berkaitan dengan agama Islam seperti zakat dan wakaf

diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri seperti termaktub dalam Perkara 97 (3) Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, jika dibandingkan dengan model pengurusan zakat di negeri-negeri lain di Malaysia yang diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri, LZNK yang ditubuhkan di bawah enakmen khas yang menjadi satu-satunya entiti zakat yang secara langsung di bawah pemantauan Sultan negeri Kedah. Dengan visi untuk menjadi agensi pengurusan zakat bertaraf dunia serta misi bagi meningkatkan perkhidmatan untuk pembangunan sosio-ekonomi ummah, LZNK merupakan agen agama yang utama bagi mengeluarkan asnaf dari kepompong kemiskinan (<https://www.zakatkedah.com.my/visi-misi/>)

Institusi haji di negara ini sebaliknya adalah di bawah pentadbiran kerajaan pusat sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan ini menjadikan haji satu-satunya institusi berkaitan hal ehwal agama Islam yang diletakkan terus dibawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan (Jadual ke-9, Senarai Persekutuan, 1 (h) Perlembagaan Persekutuan). Penubuhan Lembaga Tabung Haji sebagai sebuah perbadanan untuk mengendalikan urusan haji umat Islam di negara ini di bawah Akta 535 Lembaga Tabung Haji 1995 telah membawa satu transformasi kepada institusi haji di Malaysia. Sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Tabung Haji, badan berkanun di bawah Jabatan Perdana Menteri ini adalah satu-satunya badan yang diberi kuasa penuh untuk menguruskan segala hal ehwal berkaitan simpanan, pelaburan dan pengurusan haji di negara ini. Berlandaskan visi “Tunggak kejayaan ekonomi ummah, pengurusan haji terbilang” Lembaga Tabung Haji kini mempunyai reputasi yang tinggi sebagai salah satu institusi kewangan Islam yang paling kukuh serta institusi pengurusan haji terulung di dunia (Sharifah, 2016).

Secara amnya, LTH serta semua subsidiari dibawah organisasi haji ini telah menjadi pemangkin kepada pemeraksanaan institusi zakat dengan peranan yang dimainkan sebagai salah satu organisasi penyumbang zakat yang paling tinggi di negeri Kedah secara khasnya dan Malaysia secara amnya. Selain status ini, hubungan baik yang terjalin diantara LTH, institusi diraja dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sejak sekian lama serta sumbangan LTH terhadap pembangunan agama serta sosio-ekonomi masyarakat setempat melalui cawangan-cawangan LTH di peringkat daerah dan negeri menjadi testimoni kepada keupayaan organisasi haji ini untuk menjadi rakan strategik kepada LZNK. Seterusnya, perkongsian pintar serta penyelarasan diantara LTH sebagai agensi di peringkat persekutuan dan institusi zakat di peringkat negeri seperti LZNK boleh diperkukuhkan lagi kerana kedua-dua entiti

agama ini adalah di bawah koordinasi satu agensi pusat yang sama iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

LTH merupakan satu model institusi yang unik, kerana menjalankan dua aktiviti yang berlawanan dibawah satu pentadbiran, iaitu haji dan aktiviti kewangan. Walaubagaimanapun dua aktiviti yang berlainan ini mempunyai hubung kait diantara satu sama lain. Dengan sumber kewangan yang kukuh yang dijana oleh aktiviti ekonomi yang dijalankan, Tabung Haji boleh menyediakan perkhidmatan haji terbaik kepada jemaah haji. Reputasi Tabung Haji menggalakkan lebih ramai anggota masyarakat untuk mengerjakan haji seterusnya menyumbang kepada dana deposit yang lebih besar kepada Tabung Haji. Keupayaan Tabung Haji untuk menjana pendapatan sendiri serta sumber kewangan yang kukuh merupakan salah satu faktor kejayaan Tabung Haji. Dana kewangan yang besar membantu Tabung Haji didalam menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan disamping membawa pelbagai inovasi didalam perkhidmatan. Ianya juga membantu Tabung Haji untuk merebut dan meneroka peluang-peluang yang tersedia disamping menyusun perancangan masa hadapan untuk membawa organisasi ini ke tahap yang lebih tinggi. Hari ini, LTH adalah model kompetitif kepada institusi agama yang lain di negara ini di dalam pencapaiannya sebagai institusi korporat serta kewangan Islam bertaraf dunia yang dimiliki dan diuruskan sepenuhnya oleh orang Islam di negara ini. Sebagai jenama ikonik negara LTH juga telah melakar pelbagai kejayaan yang signifikan termasuk menreformasikan institusi haji sebagai agen transformasi berimpak tinggi yang memberi sumbangan kepada tamadun Islam di Malaysia di dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, sosio- ekonomi dan sebagainya. Hari ini, institusi haji di Malaysia telah memberi suatu anjakan paradigma yang baru kepada masyarakat Malaysia dan menukar perspektif dunia di mana institusi keagamaan boleh dijadikan sumber dan pemangkin kepada kemajuan negara serta melahirkan masyarakat yang progresif dan dinamik (Sharifah, 2016). Oleh itu, LTH adalah rakan kerjasama terbaik LZNK di dalam merealisasikan fungsinya di dalam pengurusan zakat serta pentadbiran ekonomi Islam yang efektif.

Aplikasi model pengurusan organisasi serta pengurusan kewangan Islam yang dilaksanakan oleh LTH boleh dijadikan sebagai salah satu model kepada institusi zakat bagi mengukuhkan lagi keberdayaan institusi ekonomi Islam tersebut. Oleh itu, kerjasama strategik diantara institusi zakat dan institusi haji di negara ini merupakan satu inisiatif yang perlu dilaksanakan demi pembangunan ummah. Dalam konteks semasa, institusi haji dan zakat mempunyai

kelebihan dan kekuatan yang tersendiri di dalam pelbagai aspek. Oleh itu pendekatan kerjasama strategik yang boleh diaplikasikan diantara kedua-dua organisasi ekonomi Islam tersebut ialah melalui pendekatan strategi lautan biru (BOS).

Konsep BOS atau "*blue ocean strategy*" telah diilhamkan oleh dua orang pemikir pengurusan, Profesor W. Chan Kim dan Profesor Renée Mauborgne yang membekalkan satu cara yang kreatif dan sistematik dalam pengurusan organisasi. Prinsip BOS melibatkan inovasi dalam meneroka pasaran, mencari ruang baru yang boleh diaplikasi oleh sesebuah organisasi seperti organisasi perniagaan yang bersaing sengit untuk mendapat pasaran baru yang lebih luas dan kompetitif.

Strategi lautan biru (BOS) merupakan strategi yang diperkenalkan bagi meningkatkan mutu serta strategi pengurusan perniagaan. Bagaimanapun, prinsip teras BOS boleh diaplikasikan di dalam pelbagai bidang. BOS menekankan tentang inovasi dan kreativiti dalam setiap penyelesaian tanpa wujudnya persaingan melalui empat langkah utama iaitu "mengurang", "menghapus", "mewujud" dan "menambah peluang". Keperluan berfikir berdasarkan BOS melihat suatu perkara dalam konteks yang lebih luas umpama lautan biru terbentang luas yang masih banyak perkara dan peluang yang perlu diteroka dan inilah yang diperlukan dalam pemikiran seorang pengurus sesebuah organisasi cemerlang (Ismail, 2013).

Strategi lautan biru merupakan suatu revolusi di dalam strategi pengurusan dan perniagaan dan inisiatif global bagi mengabungkan kreativiti dan inovasi di dalam perancangan perniagaan dan operasi bagi menguasai pasaran yang tidak terbatas. Strategi ini melihat kesan masa hadapan dengan langkah bergerak jauh daripada pendekatan tradisi kearah meningkatkan produktiviti dan insentif kepada pelanggan (Zariah,2013).


Strategi ini boleh diadaptasikan dalam pengurusan institusi agama di negara ini kerana strategi pengurusan sentiasa berubah dan bergerak pantas mengikut arus globalisasi. BOS adalah satu cara efektif untuk mengurus perubahan kerana perubahan sangat penting dalam mencapai kejayaan organisasi. Analogi Lautan Biru menggambarkan potensi ruang yang begitu besar yang belum diterokai dan strateginya sangat sistematik dan sesuai dalam pengurusan zakat di negara ini.



<b>TUJUAN: MENGURANGKAN KOS</b>		<b>KUNCI KEJAYAAN BOS: INOVASI</b>
<b>HAPUS</b>	<b>TINGKAT</b>	Pendekatan inovatif  Meneroka peluang baru  Meneroka pasaran baru  Pengoptimuman sumber  Situasi menang-menang
Apa faktor dalam industri yang perlu disingkirkan?	Apakah faktor melebihi piawaian industri yang perlu ditingkatkan?	
<b>KURANG</b>	<b>WUJUD</b>	
Apakah faktor yang perlu dikurangkan dibawah piawaian industri?	Apakah faktor/ ruang baru yang perlu dicipta/diteroka di dalam industri?	
<b>TUJUAN: MENINGKATKAN IMPAK</b>		

Rajah 1: Pendekatan Strategi Lautan Biru (Adaptasi Dari Chan Kim & Mauborgne, 2005)

Dari segi bidang kuasa serta kumpulan sasaran, tidak berlaku persaingan dan pertindihan fungsi di antara LZNK dan LTH sepertimana organisasi-organisasi berteraskan keuntungan yang lain. Oleh itu prinsip BOS yang bersesuaian bagi kedua-dua entiti agama yang berlainan fungsi ini ialah mewujudkan inovasi bernilai, “*value innovation*” iaitu mencari ruang yang sesuai dengan fungsi dan bidang kuasa inter-organisasi bagi melakarkan inovasi di dalam pengurusan dan perkhidmatan.




Rajah 2: Kunci Kejayaan Strategi Lautan Biru (Adaptasi Dari Chan Kim & Mauborgne, 2005)

Tema utama pelaksanaan BOS secara strategiknya adalah kesanggupan organisasi untuk melakukan perbezaan dengan keluar dari status quo serta membina hubungan perkhidmatan yang lebih optimum melangkaui batas konvensional yang sedia ada ke arah kejayaan institusi. Dalam konteks LZNK dan LTH, prinsip yang boleh diaplikasi ialah mewujudkan inovasi dalam pengurusan dan perkhidmatan. Melalui BOS, LTH dan LZNK berkolaborasi dalam merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif strategi lautan biru yang kreatif dan bersifat transformatif kepada masyarakat dengan menggabungkan pengalaman, kepakaran, teknologi serta sumber sedia ada dengan matlamat merangsang pertumbuhan ekonomi serta mengeluarkan masyarakat dari kepompong kemiskinan.

Inovatif kolaborasi antara LZNK dan LTH dalam membangunkan sosio-ekonomi ummah terutama melalui kepelbagaian kegiatan ekonomi patuh syariah akan memastikan entiti agama ini dapat menyediakan perkhidmatan terbaik dan hasil berimpak tinggi kepada masyarakat, melalui pelaksanaan yang efisien dan pantas dengan kos perbelanjaan yang efektif. Oleh itu, kerjasama di bawah strategi tersebut dapat menggembelng sumber dan kekuatan yang ada bagi menghasilkan impak yang berkesan kepada masyarakat umum, khususnya umat Islam. Malah, dalam masa sama, kerjasama sedemikian mampu memberi manfaat kepada ummah kerana pelaksanaan sesuatu perancangan atau projek pembangunan dapat dipercepatkan. Strategi BOS ini juga merupakan salah satu strategi bagi menangani cabaran utama era globalisasi iaitu mengeluarkan umat Islam dari perangkap gejala kemiskinan, memastikan umat Islam dan organisasi-organisasi agama kompeten dalam pelbagai bidang dan teknologi

serta mengukuhkan perpaduan ummah.



Rajah 3: Prinsip-Prinsip Strategi Lautan Biru (Adaptasi Dari Model Strategi Lautan Biru Kebangsaan)

Seperti yang dibuktikan oleh LTH, sistem tadbir urus yang profesional dan efektif dibantu oleh sokongan kewangan yang kukuh akan melonjakkan pencapaian sesebuah institusi. Semua ciri-ciri ini akan melonjakkan peranan LZNK sebagai agen pembasmi kemiskinan serta pencetus kesejahteraan sosio-ekonomi ummah, satu imperatif dalam Islam. Peranan berkesan LZNK di dalam isu ini akan memberikan kesan positif terhadap persepsi pembayar-pembayar zakat serta meningkatkan keyakinan mereka untuk terus membayar secara konsisten kepada organisasi zakat ini. Kejayaan transformasi ini ialah pengagihan manfaat bersama di antara LZNK, pembayar zakat serta golongan asnaf yang optimun seterusnya menjadi kesinambungan kepada rangkaian perkhidmatan zakat yang lebih baik dan efektif kepada rakyat.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini merupakan satu tinjauan awal bagi menawarkan kerangka konseptual pengurusan inter-organisasi Islam yang inklusif disesuaikan dari strategi lautan biru khusus untuk LZNK dan LTH. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi lautan biru boleh menjadi pemangkin kejayaan LZNK dan LTH di dalam mencapai visi dan misi organisasi

serta menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi ummah. Strategi lautan biru diantara LZNK dan LTH berupaya menjadikan organisasi-organisasi tersebut sebagai entiti agama yang mempunyai kedudukan yang signifikan terutamanya kepada masyarakat Islam di negara ini. Pendekatan ini juga berpotensi untuk membuktikan bahawa LZNK dan LTH bukan sahaja merupakan agen agama tetapi berupaya berperanan sebagai agen transformasi berimpak tinggi dalam pelbagai bidang serta menjadi pemangkin kepada kemajuan masyarakat dan negara. Dalam konteks semasa, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk terus membuktikan bahawa peranan institusi zakat dan haji tidak hanya terbatas sebagai sebuah institusi berteraskan keagamaan semata-mata tetapi berpotensi menjadi salah satu instrumen penting bagi pembangunan sosio-ekonomi serta pembinaan negara bangsa yang berjaya. Oleh itu, diantara aspek penting yang menjadi teras kepada kelestarian kedua-dua institusi agama tersebut adalah strategi inovasi serta kerjasama pintar merentas organisasi.

### **PENGHARGAAN**

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) serta Institut Penyelidikan Zakat dan Inovasi (IPIZ), Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan kajian ini melalui Skim Geran Agensi Luar Awam (Kod S/O 14105) yang telah diluluskan.

### **RUJUKAN**

- Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (2016).  
Pengurusan Wang Tabung Amanah Zakat Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tinjauan Terhadap Asnaf Penerima Zakat Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Fahme Mohd Ali. (2015). The Effectiveness of Zaakt in Reducing Poverty Incident: An Analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*, Vol. 11 No. 21.
- Ismail bin Mohamed. (2013). Penerapan Strategi Lautan Biru (Bos) Dalam Amalan Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah Rendah. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Masyarakat. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mahyuddin Abu Bakar. (2012). Hubungan Antara Agihan Zakat Dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin. Tesis Ph.D. Universiti Utara Malaysia.
- Md. Idris, Kamil. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Zakat

- Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *Journal of Ethics, Legal and Governance*.
- Mohamed Dahan Abdul Latif (2001) Pendekatan Kepada Cara Pengagihan Dana zakat yang Dinamik Sesuai dengan Suasana Semasa. Dalam Nik Mustapha Nik Hassa Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat* 26(2).
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail, (2001). Can privatization improve performance? Evidence from Zakat Collection institutions. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Persepsi dan Faktor Penentu Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf. *Islamiyyat*, 27(1).
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Pensiwaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13 (2).
- Sharifah Ismail. (2016). The Hajj From Malaysia: Its History, Management And Impact On The Malay Society, 1975-2005. Tesis Ph.D. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- W. Chan Kim, Renée Mauborgne. (2005). *Blue Ocean Strategy: How to Create Uncontested Market Space and Make Competition Irrelevant*. United States: Harvard Business School Press.
- Weiss, H. (2002). Zakat and the Question of Social Welfare. Dalam H. Weiss (ed). *Social Welfare in Muslim Societies in Afrika*. Stockholm: Nordiska Afrikainstitutet.
- Zariah Mairaj. 2013. *Amalan Prinsip Dan Strategi Lautan Biru Dalam Kepimpinan Guru Besar Dan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Daerah Muar*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.